



فِي جَانِبِ قَدْرِ يَدِينِ دَائِرَةِ قَادِرٍ تَرَفِّعُهَا  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PADANG TERAP  
06300 KUALA NERANG  
KEDAH DARUL AMAN



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

TELEFON: 04-7866207/04-7866412  
FAX: 04-7867395  
EMAIL: adminppdpt@moe.gov.my

**"PADANG TERAP GEMILANG"**

Ruj. Kami : PPDPT.500-6/1/4(3)  
Tarikh : 6 November 2017

Semua Pengetua dan Guru Besar,  
Sekolah-sekolah Daerah Padang Terap

Tuan,

**TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN LATIHAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (SPL KPM),  
BIL. 2/2017 DAERAH PADANG TERAP.**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Latihan Pengurusan Sekolah, Pejabat Pendidikan Padang Terap akan mengadakan **Taklimat Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPL KPM), Bil. 1/2017 Daerah Padang Terap**, kepada Setiausaha LADAP sekolah seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 12 November 2017  
Masa : 9.00 Pagi.  
Tempat : Dewan Seminar 2 PPD Padang Terap.  
Pakaian : Pakaian Rasmi Kerja

3. Sehubungan itu, mohon jasa baik tuan membenarkan seorang **Setiausaha Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP)** dari sekolah tuan untuk menghadiri taklimat berkenaan. Sila bawa bersama komputer riba, wayar penyambung.

4. Sebarang pertanyaan mengenai taklimat ini, sila hubungi pegawai berkenaan di PPD Padang Terap, **Encik Muhamad Salleh Ubidin bin Ibrahim** di talian **0194004459**. Tuntutan perjalanan semasa menghadiri taklimat ini boleh dibuat berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dan tertakluk kepada peruntukan sedia ada.

Kerjasama tuan dalam menjayakan taklimat ini sangatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG'**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI AHMAD BIN LATEH *BKM., PJK*)  
Pegawai Pendidikan Daerah  
Padang Terap